

■ **Tingkatkan amal ibadat kerana bulan istimewa ini ganjarannya berlipat kali ganda**

Syaaban sudah pun melabuhkan tirainya dan kini Ramadan menjelma.

Seperti yang sedia maklum, Ramadan bulan yang mulia, bulan rahmat bagi umat Islam serta bulan beribadat kepada-Nya.

Sedar atau tidak, kita berada dalam bulan penuh kebaikan, keberkatan dan rahmat.

Rata-rata umat Islam mengambil persiapan lebih awal

Hayati hikmah Ramadan

bagi menyambut bulan mulia ini. Bagi peniaga di bazar Ramadan, menjual kuih-muih, baju raya dan sebagainya semestinya teruja dengan kedatangan bulan ini.

Semestinya, keuntungan berganda akan mereka peroleh, berbeza daripada keuntungan pada bulan lain.

Umat Islam perlu sedar di samping mendapat keuntungan, amal ibadat seperti membaca al-Quran, bertadarus, Tarawih dan seumpamanya perlu ditingkatkan

dari semasa ke semasa kerana bulan yang mulia ini hanya muncul sekali sahaja.

Tetapi tidak bermakna bulan lain perlu dikurangkan amal ibadat.

Di sini, dinyatakan amatlah rugi jika sesiapa yang tidak dapat mengambil hikmah atau kesempatan untuk meningkatkan lagi amal ibadatnya pada Ramadan ini.

Pakej Allah sediakan dalam bulan Ramadan, seperti - kombo rahmat dan keampunan, tarbiah puasa dan so-

lat malam, serta suasana masyarakat yang makin soleh - adalah satu pakej yang amat mahal harganya dan pakej ini tidak dapat kita temukan pada bulan yang lain.

Tanamkan tekad dalam diri untuk menjadikan Ramadan kali ini sebagai Ramadan yang berbeza daripada Ramadan sebelumnya.

NUR HIDAYAH MOHAMAD

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai.